

Iswaran: Pemerintah teliti cara bantu sektor marin dan kejuruteraan luar pantai

PEMERINTAH sedang meneliti cara membantu sektor marin dan kejuruteraan luar pantai, kata Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Encik S. Iswaran.

“Pemerintah sedang mengkaji, dengan rundingan bersama institusi kewangan dan industri kejuruteraan luar pantai dan marin, keperluan mempunyai daya usaha bagi sektor itu,” kata Encik Iswaran dalam pelancaran pusat pembangunan dan kajian pertama bagi sektor kejuruteraan luar pantai dan marin.

Beliau tidak memberikan perincian mengenai langkah itu tetapi menyatakan bahawa syarikat-syarikat boleh melaksanakan langkah yang telah berkuat kuasa seperti Pinjaman Modal Kerja SME yang diperkenal dalam Belanjawan tahun ini bagi membantu syarikat kecil dan sederhana (SME) menangani keperluan kewangan dan aliran tunai mereka.

Namun, beliau menambah bahawa pemerintah akan terus memberikan bantuan kepada syarikat-syarikat.

“Amat penting syarikat dan institusi kewangan mengambil langkah bagi kepentingan jangka panjang mereka demi memastikan perniagaan yang baik terus menakat, memberi respons kepada cabaran industri dan membangunkan keupayaan mereka bagi pertumbuhan jangka panjang,” ujar Encik Iswaran.

Beliau menekankan bahawa sektor kejuruteraan luar pantai dan marin, yang masih berhadapan dengan kelembapan berpanjangan, kekal sebagai segmen penting dalam ekonomi.

Sejajar dengan itu, pemerintah akan melabur sebanyak \$107 juta bagi membangunkan Tcoms, sebuah pusat penyelidikan dan pengembangan (R&D) bagi industri ini.

Beberapa syarikat di Singapura, yang menjadi pusat bagi pembangunan kapal dan sokongan firma luar pantai, terjejas akibat harga minyak rendah dan ekonomi lemah.

Antara yang terjejas ialah firma khidmat minyak, Swiber Holdings, yang mendapatkan perlindungan mahkamah kerana masalah kewangannya.

“Amat penting syarikat dan institusi kewangan mengambil langkah bagi kepentingan jangka panjang mereka demi memastikan perniagaan yang baik terus menakat, memberi respons kepada cabaran industri dan membangunkan keupayaan mereka bagi pertumbuhan jangka panjang.”

– Encik S. Iswaran, Menteri Perdagangan dan Perusahaan.

